

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HSE 351 Sejarah Eropah Modern

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Tentang Perancis di ambang Revolusi, Alexis Tocqueville menyatakan bahawa "rakyat buta terhadap kebaikan yang benar-benar telah bertambah dan tidak sabar untuk mempercepatkan tindakan." Setujukah anda dengan pandangan ini tersabit dengan pencetusan Revolusi Perancis? Huraikan.
2. "Napoleon telah memperluas dan mengekalkan kesan-kesan Revolusi Perancis di Eropah dengan menghancurkan feudalisme di Negara-negara kawasan Rendah iaitu di kebanyakan negeri Jerman dan di Itali." - D. Thomson. Pada hemat anda, adakah ini merupakan pencapaian Napoleon yang terulung sekali di Eropah? Jelaskan.
3. Nilai sejauh mana dinamiknya fahaman liberal sebagai salah satu unsur penggerak di dalam Revolusi-revolusi 1848. Khususkan jawapan anda kepada mana-mana satu atau dua buah negara yang terlibat sahaja.
4. Dapatkah perjanjian-perjanjian antarabangsa yang dimetriai oleh Bismarck bagi pihak Kemahrajaan Jerman selepas 1871 dipertahankan sebagai wajar dan bermaruah? Berikan keterangan lanjut.
5. Setelah Parti Bolshevik kalah di dalam pilihanraya November 1917, Lenin telah memansuhkan Dewan Perwakilan kerana badan tersebut, katanya, mewakili golongan 'anti revolusi'. Pada pandangan anda, berasaskah dakwaan Lenin ini? Berikan hujah anda.

6. Lenin pernah menegaskan bahawa kaum petani, berbeza daripada tuan-tuan tanah dan golongan kapitalis, mesti diubah dengan usaha yang tekun dan penuh tabah'. Terangkan kenapa usaha yang sedemikian rupa akhirnya tidak berlaku pada zaman Stalin?
7. Kata Gerhard Ritter, "konflik yang sengit di antara puak Kanan (nasionalis) dan puak kiri (Sosialis) merupakan peristiwa penentu dan barangkali yang asas di sebalik kebangkitan National-Socialism (Nazi)". Setujukah anda? Jelaskan.

-oooOOOooo-